



MEMO

Bilangan : **4/2022**

Kepada : **Semua pelajar Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM
(Kampus Seremban)**

Daripada : **Puan Hawa Aqilah binti Hamuzan**
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM
Kampus Seremban

Cik Nur Shamim binti Hamzah
Penyelaras Hal Ehwal Pelajar, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM
Kampus Bangi

Salinan kepada : **Prof. Madya Dr. Rorlinda binti Yusof**
Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Encik Mohd Hakimie bin Zainal Abidin
Timbalan Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara, UKM

Pn Siti Aishah binti Hassan
Ketua Kolej, Kolej GENIUS@Pintar Negara, UKM

Tarikh : **25 Januari 2022 (Selasa)**



PINDAAN PEMAKLUMAN STATUS KEMBALI KE KOLEJ DAN PROSES PENGOSONGAN ASRAMA KOLEJ GENIUS@Pintar NEGARA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (KAMPUS SEREMBAN)

1.0 Latar Belakang

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan status **TERKINI** kembali ke kolej bagi murid Asas 1 dan Asas 2 Kolej GENIUS@Pintar Negara UKM (Kampus Seremban) selepas perayaan Tahun Baru Cina.
- 1.2 Memo ini berpandukan kepada pemakluman yang disampaikan secara verbal oleh Setiausaha Bahagian GENIUS melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 23 Januari 2022.

2.0 Status Kembali Ke Kolej Selepas Perayaan Tahun Baru Cina

- 2.1 Rentetan daripada peningkatan kes jangkitan COVID-19 yang melibatkan murid di asrama khususnya, tarikh kemasukan murid Asas 1 dan 2 ke kolej pada 07 Februari 2022 (Isnin) adalah **DIBATALKAN**.
- 2.2 Semua murid Asas 1 dan Asas 2 akan meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di penempatan/kediaman masing-masing sehingga tamat sesi persekolahan penggal 3.

3.0 Pengosongan Asrama dan Proses Pengendalian Barang

- 3.1 Proses pengubahsuaian bangunan asrama di KGPN UKM (Kampus Seremban) akan bermula pada cuti persekolahan penggal 3. Justeru, semua murid Asas 1 dan Asas 2 **WAJIB** mengosongkan bilik di asrama (*full clearance*) masing-masing.
- 3.2 Tempoh pengosongan asrama akan bermula pada 07 hingga 13 Februari 2022. Semua murid **WAJIB** mengisi borang (*google form*) ini <https://forms.gle/uu4q5synpKBp5s3k6> selewat-lewatnya sehari sebelum hadir ke kolej bagi memudahkan pengurusan di asrama.
- 3.3 Murid-murid **TIDAK DIBENARKAN** untuk meninggalkan barangan di bilik pembelajaran di asrama (*study room*), kelas pembelajaran atau sebarang ruang di KGPN UKM (Kampus Seremban).
- 3.4 Bagi murid Asas 1 dan 2 yang menetap di Sabah dan Sarawak, semua murid **WAJIB** mengisi borang (*google form*) ini <https://forms.gle/uu4q5synpKBp5s3k6> untuk membenarkan wakil/pihak kolej menguruskan barang anda.



PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA • GENIUS@Pintar NATIONAL GIFTED CENTRE


- 3.5 Jika terdapat barang yang belum diambil selepas tempoh pengosongan asrama, pihak kolej berhak mengambil tindakan untuk melupuskan barang tersebut.
- 5.0 Pengurusan Kesihatan
- 5.1 Hanya murid bersama ibu bapa/penjaga yang **SIHAT** dan **TIDAK BERGEJALA** sahaja dibenarkan masuk ke kawasan kolej untuk mengambil barang.
- 5.2 Semua murid **WAJIB** menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menjaga kebersihan diri sepanjang perjalanan dan semasa proses pengosongan asrama.
- 6.0 Pengurusan Kaedah Pandu Lalu
- 6.1 Setiap individu di dalam kenderaan **WAJIB** mengimbas kod QR MySejahtera di pintu pagar utama sebelum ke asrama.
- 6.2 Ibu bapa/penjaga diminta meletakkan kereta di parkir belakang asrama sementara menunggu anak/anak jagaan mengendalikan barang.
- 6.3 Hanya **SEORANG** ibu/bapa/penjaga (sama jantina dengan anak/anak jagaan) dibenarkan masuk ke asrama untuk membantu anak/anak jagaan mengendalikan barang dengan segera.
- 6.4 Ibu bapa/penjaga yang lain adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk turun daripada kenderaan masing-masing sepanjang berada di kawasan kolej.

Kerjasama pihak ibu bapa/penjaga dan semua murid Kolej GENIUS@Pintar Negara UKM (Kampus Seremban) dalam mematuhi perkara ini amatlah dihargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



Pergerakan Pandu Lalu Kampus Seremban



LALUAN KEMASUKAN MURID
KOLEJ GENIUS@PINTAR
NEGARA
(KAMPUS SEREMBAN)

PETUNJUK	
C1	BLOK PENTADBIRAN DAN KELAS
DM	DEWAN MAKAN
C	ASRAMA PEREMPUAN BLOK C
D	ASRAMA LELAKI BLOK D
	PARKIR SEMENTARA

PUSAT GENIUS@Pintar NEGARA

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 7503/7505 Faks: +603-8921 7525 E-mel: permatapintar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/geniuspintar